

Bil. S 64

**PERINTAH IKHTISAS PEGUAM
(PERSATUAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM)
(Perintah 1 dari Penggal 132)**

ATURAN-ATURAN IKHTISAS PEGUAM (AMALAN DAN ETIKET), 2015

SUSUNAN ATURAN-ATURAN

Aturan

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Pengenaan
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

ARAHAN DITERIMA DAN TIDAK DITERIMA

4. Tiada kewajipan bertindak bagi setiap orang
5. Penerimaan arahan
6. Arahan tidak diterima jika serba salah
7. Arahan tidak diterima jika mungkin dipersoalkan
8. Arahan tidak diterima disebabkan kebebasan profesional dll
9. Arahan tidak diterima disebabkan tidak dapat hadir
10. Pelepasan dan penarikan diri daripada tugas

BAHAGIAN III

KELAKUAN DALAM MAHKAMAH

11. Menghormati mahkamah
12. Tiada perdayaan

13. Pendakwaan
14. Menjalankan kes sivil
15. Pembelaan
16. Kepentingan anak guam
17. Peguam bela dan peguam cara hendaklah mendedahkan segala hal keadaan kepada anak guamnya
18. Peguam bela dan peguam cara hendaklah bersedia pada hari yang ditetapkan untuk perbicaraan
19. Fakta tidak dibuktikan
20. Peguam bela dan peguam cara tidak boleh mengelirukan
21. Peguam bela dan peguam cara hendaklah memberikan maklumat
22. Soalan menghina atau menggusarkan
23. Soalan tidak relevan
24. Keputusan mengikat yang relevan
25. Kelakuan tidak wajar
26. Usul undang-undang dll
27. Peguam bela dan peguam cara tidak boleh hadir sedemikian jika dia menjadi saksi
28. Peguam bela dan peguam cara tidak boleh memberi keterangan
29. Kod pakaian
30. Pakaian
31. Perasaan anak guam
32. Saksi menentang

BAHAGIAN IV

KELAKUAN DI LUAR MAHKAMAH

33. Peguam bela dan peguam cara boleh menemu bual saksi bagi pihak lawan
34. Peguam bela dan peguam cara tidak boleh menyalahgunakan kepercayaan
35. Peguam bela dan peguam cara hendaklah menghalang anak guamnya daripada membuat kelakuan salah

BAHAGIAN V

SEKATAN

36. Mencari anak guam
37. Peguam bela dan peguam cara tidak boleh mengikat jamin atau menjadi penjamin
38. Timbang tara
39. Peguam bela dan peguam cara tidak boleh memberitahu
40. Peguam bela dan peguam cara tidak boleh menjalankan tred secara aktif

BAHAGIAN VI

AM

41. Bayaran bagi perkara litigasi atau perbalahan
42. Tiada pembahagian kos
43. Pihak diwakili oleh peguam bela dan peguam cara lain
44. *Lien* peguam bela dan peguam cara
45. Penghakiman kerana ingkar
46. Bantahan terhadap kebolehterimaan
47. Pejabat
48. Agensi kebanyakan

49. Pelanggaran

50. Penepian

PERINTAH IKHTISAS PEGUAM

(PERSATUAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM)
(Perintah 1 dari Penggal 132)

ATURAN-ATURAN IKHTISAS PEGUAM (AMALAN DAN ETIKET), 2015

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 36(1) dari Perintah Ikhtisas Peguam (Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam), maka Majlis Persatuan Undang-Undang, dengan kebenaran Ketua Hakim, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Ikhtisas Peguam (Amalan dan Etiket), 2015 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh Aturan-Aturan ini dibuat.

Pengenaan

2. Aturan-Aturan ini dikenakan kepada mana-mana orang yang diberikan sijil menjalankan amalan di bawah bab 13.

Tafsiran

3. Dalam Aturan-Aturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, “peguam bela dan peguam cara” bermakna seorang peguam bela dan peguam cara mahkamah.

BAHAGIAN II

ARAHAN DITERIMA DAN TIDAK DITERIMA

Tiada kewajipan bertindak bagi setiap orang

4. (1) Seorang peguam bela dan peguam cara tidak wajib bertindak sedemikian, bagi setiap orang yang ingin menjadi anak guamnya.

(2) Hal keadaan khas boleh dijadikan justifikasi, atas budi bicaranya, bagi seorang peguam bela dan peguam cara untuk enggan menerima sesuatu arahan tertentu, walaupun syarat-syarat yang dinyatakan dalam Aturan-Aturan ini dipenuhi.

Penerimaan arahan

5. Seorang peguam bela dan peguam cara boleh menerima apa-apa arahan dalam mahkamah yang di dalamnya dia mengaku menjalankan amalan, dengan suatu bayaran profesional yang sepatutnya, bergantung kepada kelamaan dan kerumitan kes itu dan kepada kemahiran dan pengalamannya sendiri.

Arahan tidak diterima jika serba salah

6. (1) Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh menerima sesuatu arahan jika dia serba salah atau mungkin serba salah dengan arahan itu.

(2) Serba salah timbul —

(a) jika peguam bela dan peguam cara itu mendapati dia ada memiliki maklumat sulit hasil daripada nasihat yang dahulunya telah diberikan kepada orang lain berkenaan dengan perkara yang sama; atau

(b) dalam suatu perkara perbalahan jika terdapat sesuatu hubungan peribadi antaranya dengan suatu pihak atau seorang saksi dalam prosiding itu.

Arahan tidak diterima jika mungkin dipersoalkan

7. Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh menerima sesuatu arahan dalam suatu kes yang diketahuinya, atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai, bahawa kelakuan profesionalnya sendiri mungkin dipersoalkan.

Arahan tidak diterima disebabkan kebebasan profesional dll

8. (1) Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh menerima sesuatu arahan jika penerimaan itu menyebabkan atau akan menyebabkan, sukar baginya menyelenggarakan kebebasan profesionalnya atau bertentangan dengan kepentingan terbaik pentadbiran keadilan.

(2) Seorang peguam bela dan peguam cara yang telah pada bila-bila masa —

(a) memberi nasihat;

(b) menyediakan pliding; atau

(c) bertindak bagi,

suatu pihak berhubung dengan pemulaan, pendakwaan atau pembelaan apa-apa guaman, atau prosiding lain yang berhubung dengannya, tidak boleh bertindak, hadir atau mengemukakan pliding bagi pihak lawan dalam guaman atau prosiding lain itu.

Arahan tidak diterima disebabkan tidak dapat hadir

9. Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh menerima apa-apa arahan melainkan jika dia pasti dengan munasabah dapat hadir dan mewakili anak guamnya pada hari yang dikehendaki.

Pelepasan dan penarikan diri daripada tugas

10. (1) Tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis lain, seorang peguam bela dan peguam cara yang ditugaskan sebagai peguam dalam apa-apa perkara sivil atau jenayah hendaklah meminta untuk dilepaskan daripada tugas hanya dalam hal keadaan yang terkecuali sahaja.

(2) Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh menarik diri daripada sesuatu tugas sebaik sahaja tugas itu diterima tanpa sebab yang mencukupi dan melainkan jika notis yang munasabah dan mencukupi diberikan kepada anak guamnya.

BAHAGIAN III

KELAKUAN DALAM MAHKAMAH

Menghormati mahkamah

11. Seorang peguam bela dan peguam cara hendaklah bersikap hormat terhadap mahkamah.

Tiada perdayaan

12. Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh melakukan apa-apa perdayaan ke atas mahkamah.

Pendakwaan

13. (1) Seorang peguam bela dan peguam cara yang hadir bagi pihak pendakwa dalam suatu perbicaraan jenayah hendaklah menjalankan pendakwaan dengan adil.

(2) Bahan yang boleh membuktikan tertuduh tidak bersalah tidak boleh disembunyikan.

Menjalankan kes sivil

14. Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh menjalankan suatu kes sivil atau membuat suatu pembelaan yang bertujuan semata-mata untuk melambatkan prosiding, atau menyusahkan atau menjejaskan pihak lawan, atau untuk menindas atau berbuat salah.

Pembelaan

15. (1) Seorang peguam bela dan peguam cara yang menjalankan pembelaan seseorang dalam apa-apa perkara jenayah hendaklah dengan segala cara yang saksama mengemukakan setiap pembelaan yang dibenarkan oleh undang-undang.

(2) Seorang peguam bela dan peguam cara hendaklah menjalankan pembelaan seseorang yang dituduh melakukan suatu kesalahan tanpa mengira pendapatnya sendiri tentang kesalahan atau pun selainnya tertuduh.

Kepentingan anak guam

16. Seorang peguam bela dan peguam cara hendaklah, semasa bertindak dengan penuh sopan santun di hadapan mahkamah, berani mempertahankan kepentingan anak guamnya, kepentingan keadilan dan kemuliaan profesionnya, tanpa mengambil kira apa-apa akibat yang tidak menyenangkan, sama ada kepada dirinya sendiri atau kepada mana-mana orang lain.

Peguam bela dan peguam cara hendaklah mendedahkan segala hal keadaan kepada anak guamnya

17. Seorang peguam bela dan peguam cara pada masa dia diguna khidmat hendaklah mendedahkan kepada anak guamnya —

(a) hubungannya, jika ada, dengan pihak-pihak itu; dan

(b) apa-apa kepentingan berhubung dengan kontroversi itu,

yang boleh mempengaruhi anak guamnya dalam pemilihan peguam.

Peguam bela dan peguam cara hendaklah bersedia pada hari yang ditetapkan untuk perbicaraan

18. (1) Seorang peguam bela dan peguam cara hendaklah bersedia untuk perbicaraan pada hari yang ditetapkan untuk perbicaraan itu.

(2) Seorang peguam bela dan peguam cara boleh memohon penangguhan suatu kes yang ditetapkan bagi pendengarannya hanya atas sebab-sebab yang memuaskan dan meyakinkan.

(3) Kecuali dalam keadaan darurat, adalah tidak wajar bagi seorang peguam bela dan peguam cara memohon penangguhan sekiranya peguam pihak yang satu lagi itu tidak hadir, melainkan jika dia telah memberikan kepada peguam yang berkenaan notis sekurang-kurangnya 48 jam mengenai tujuannya untuk membuat permohonan itu.

Fakta tidak dibuktikan

19. Dalam membuka suatu kes, seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh merujuk kepada apa-apa fakta yang dia tidak dapat membuktikannya.

Peguam bela dan peguam cara tidak boleh mengelirukan

20. Seorang peguam bela dan peguam cara hendaklah mengelakkan segala perkara yang cenderung mengelirukan suatu pihak, sama ada atau tidak diwakili oleh peguam.

Peguam bela dan peguam cara hendaklah memberikan maklumat

21. Seorang peguam bela dan peguam cara hendaklah memberikan kepada mahkamah maklumat yang dimilikinya tentang kemungkinan panjangnya suatu kes dan kemungkinannya terdapat penyelesaian atau akuan bersalah.

Soalan menghina atau mengusarkan

22. Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh menanyakan soalan-soalan yang hanya bertujuan untuk menghina atau mengusarkan, dan hendaklah menggunakan pertimbangannya sendiri tentang isi dan bentuk soalan yang diajukan kepadanya.

Soalan tidak relevan

23. (1) Soalan-soalan yang menyentuh kebolehpercayaan dengan menyerang watak tetapi sebaliknya tidak relevan dengan siasatan sebenar, tidak boleh ditanyakan melainkan jika pemeriksa balas mempunyai alasan yang munasabah kerana memikirkan bahawa tohmahan itu berasas.

(2) Jika sesuatu soalan itu berkaitan dengan perkara-perkara yang terlalu jauh masanya atau dari sifatnya tidak akan menyentuh secara material kebolehpercayaan seseorang saksi, soalan itu tidak boleh diajukan.

Keputusan mengikat yang relevan

24. (1) Seorang peguam bela dan peguam cara hendaklah mengemukakan di hadapan mahkamah apa-apa keputusan mengikat yang relevan yang diketahuinya dan yang berkaitan langsung, sama ada memihak atau menentang hujahannya.

(2) Perenggan ini dikenakan dengan kepentingan tertentu dalam prosiding *ex-parte*.

Kelakuan tidak wajar

25. Adalah tidak wajar bagi seorang peguam bela dan peguam cara —

(a) dengan mengetahui salah memetik isi kandungan suatu kertas, keterangan seorang saksi, hujah peguam lawan atau bahasa suatu keputusan atau buku teks;

(b) yang mengetahui ketidaksahannya, menyebut sebagai autoriti suatu keputusan yang telah ditolak atau suatu statut yang telah dimansuhkan;

(c) dalam hujah, menyatakan sebagai suatu fakta yang belum dibuktikan; atau

(d) mengelirukan lawannya dengan merahsiakan atau menyembunyikan dalam ucapan pembukaannya usul yang dia bercadang untuk bersandar.

Usul undang-undang dll

26. (1) Jika selepas keterangan dan hujah dibuat dan sementara penghakiman dirizabkan, seorang peguam bela dan peguam cara mendapati suatu usul undang-undang atau suatu keputusan undang-undang yang berkaitan langsung, dia hendaklah membawanya kepada perhatian mahkamah.

(2) Peguam bela dan peguam cara yang mula-mula dinamakan hendaklah menghantar kepada peguam bela dan peguam cara atau pihak yang satu lagi satu salinan suratnya kepada mahkamah, supaya peguam bela dan peguam cara atau pihak yang satu lagi itu boleh membuat ulasan mengenainya jika perlu.

Peguam bela dan peguam cara tidak boleh hadir sedemikian jika dia menjadi saksi

27. (1) Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh hadir sedemikian dalam mahkamah atau dalam kamar dalam mana-mana kes yang dia mempunyai sebab untuk dipercayai bahawa dia akan menjadi seorang saksi mengenai apa-apa persoalan fakta yang dipertikaikan.

(2) Jika, semasa hadir dalam suatu kes, ternyata bahawa dia akan menjadi seorang saksi, dia hendaklah menarik diri daripadanya jika dia boleh berbuat demikian tanpa membahayakan kepentingan anak guamnya.

(3) Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh hadir di hadapan tribunal rayuan jika dalam kes yang dirayu itu dia pernah menjadi saksi mengenai suatu persoalan fakta yang material dan dipertikaikan di mahkamah rendah.

(4) Perenggan ini tidak menghalang seorang peguam bela dan peguam cara daripada mengangkat sumpah atau mengesahkan suatu afidavit tentang fakta-fakta formal atau fakta-fakta yang tidak dipertikaikan dalam perkara-perkara di mana dia bertindak atau hadir.

(5) Perenggan ini tidak dikenakan kepada kes seorang peguam bela dan peguam cara yang hadir sendiri untuk menetapkan kosnya sendiri.

Peguam bela dan peguam cara tidak boleh memberi keterangan

28. Kecuali bagi kepentingan keadilan atau berkenaan dengan perkara formal sahaja, seorang peguam bela dan peguam cara yang hadir dalam apa-apa guaman tidak boleh memberi keterangan di mahkamah bagi pihak anak guamnya dalam guaman itu.

Kod pakaian

29. (1) Seorang peguam bela dan peguam cara yang hadir sendiri sebagai suatu pihak atau seorang saksi tidak boleh memakai jubah.

(2) Seorang peguam bela dan peguam cara yang hadir di hadapan mahkamah tentera boleh hadir sama ada berpakaian seragam (jika dia berhak berbuat demikian) atau berjubah.

(3) Kecuali dalam majlis beristiadat dan pada masa dan di tempat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Ketua Hakim atau mahkamah, seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh memakai band atau jubah di tempat-tempat awam selain daripada dalam mahkamah atau ketika pergi ke atau dari mahkamah.

Pakaian

30. Apabila seorang peguam bela dan peguam cara hadir dalam mahkamah terbuka, peguam bela dan peguam cara itu hendaklah mematuhi kod pakaian sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Ketua Hakim.

Perasaan anak guam

31. Apa-apa perasaan yang wujud antara anak guam tidak boleh dibiarkan mempengaruhi peguam dalam kelakuan dan tingkah laku mereka terhadap satu sama lain atau terhadap pihak-pihak dan saksi-saksi mereka dalam kes itu.

Saksi menentang

32. Seorang peguam bela dan peguam cara hendaklah memperlakukan saksi-saksi dan pihak-pihak menentang dengan saksama dan timbang rasa.

BAHAGIAN IV

KELAKUAN DI LUAR MAHKAMAH

Peguam bela dan peguam cara boleh menemu bual saksi bagi pihak lawan

33. (1) Seorang peguam bela dan peguam cara boleh menemu bual dengan sepatutnya mana-mana saksi atau bakal saksi bagi pihak lawan dalam apa-apa perkara sivil atau jenayah tanpa persetujuan, tetapi tertakluk kepada pemberian notis terlebih dahulu kepada, peguam atau pihak lawan.

(2) Dalam berbuat demikian, dia hendaklah mengelakkan apa-apa saranan yang dikira mendorong saksi itu untuk menyembunyikan atau menyimpang daripada kebenaran.

Peguam bela dan peguam cara tidak boleh menyalahgunakan kepercayaan

34. (1) Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh melakukan apa-apa tindakan, untuk faedah atau keuntungannya sendiri, dengan menyalahgunakan atau mengambil kesempatan daripada kepercayaan yang diletakkan padanya oleh anak guamnya.

(2) Seorang peguam bela dan peguam cara berkewajipan untuk menjaga kepercayaan anak guamnya yang akan berterusan sepanjang pekerjaannya.

Peguam bela dan peguam cara hendaklah menghalang anak guamnya daripada membuat kelakuan salah

35. Seorang peguam bela dan peguam cara hendaklah berusaha dengan sedaya upayanya untuk menghalang anak guamnya daripada melakukan apa-apa perkara yang peguam bela dan peguam cara itu sendiri tidak patut melakukannya, terutama sekali berkenaan dengan kelakuannya terhadap mahkamah dan pegawai-pegawai kehakiman, saksi-saksi dan pihak-pihak yang berkenaan. Jika anak guamnya tetap melakukan perbuatan salah itu, peguam bela dan peguam cara itu hendaklah menamatkan hubungan itu.

BAHAGIAN V

SEKATAN

Mencari anak guam

36. Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh melakukan, atau membiarkan untuk dilakukan, apa-apa jua bagi maksud mencari anak guam, secara langsung atau tidak langsung.

Peguam bela dan peguam cara tidak boleh mengikat jamin atau menjadi penjamin

37. Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh mengikat jamin, atau menjadi seorang penjamin bagi, anak guamnya dalam mana-mana prosiding undang-undang.

Timbang tara

38. Seorang peguam bela dan peguam cara yang telah, dalam suatu timbang tara, bertindak bagi penimbang tara dalam memberi nasihat kepadanya mengenai perkara undang-undang, tidak boleh memberi nasihat atau hadir bagi salah satu pihak dalam mana-mana prosiding berkaitan dengan timbang tara atau award itu.

Peguam bela dan peguam cara tidak boleh memberitahu

39. Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh memberitahu seseorang mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengannya sepanjang pengetahuannya orang itu diwakili oleh peguam bela dan peguam cara lain, kecuali dengan persetujuan peguam bela dan peguam cara lain itu.

Peguam bela dan peguam cara tidak boleh menjalankan tred secara aktif

40. (1) Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh menjalankan secara aktif apa-apa tred yang diisytiharkan oleh Ketua Hakim atau Persatuan Undang-Undang sebagai tidak bersesuaian bagi seorang peguam bela dan peguam cara melibatkan diri, atau menjadi seorang rakan kongsi aktif atau seorang pegawai bergaji, berhubung dengannya.

(2) Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh menjadi seorang pekerja bergaji sepenuh masa bagi mana-mana orang, syarikat atau firma (selain daripada sebagai seorang peguam bela atau peguam cara). Selepas mengambil pekerjaan tersebut, dia hendaklah memberitahu hal itu kepada Ketua Hakim dan Persatuan Undang-Undang dan berhenti menjalankan amalan sebagai seorang peguam bela dan peguam cara selagi dia terus dalam pekerjaan tersebut.

BAHAGIAN VI

AM

Bayaran bagi perkara litigasi atau perbalahan

41. Dalam menentukan amaun bayaran bagi perkara-perkara litigasi atau perbalahan yang melibatkan perwakilan anak guam dalam mahkamah, adalah wajar untuk mengambil kira —

(a) masa, tenaga dan kemahiran yang diperlukan;

- (b) kebaruaran dan kerumitan persoalan yang terbabit;
- (c) sama ada penerimaan pekerjaan tertentu akan menghalangnya daripada hadir dalam kes lain yang dia mempunyai jangkaan yang munasabah;
- (d) caj lazim ahli daripada profesionnya bagi perkhidmatan yang sama;
- (e) amaun yang menjadi perbalahan;
- (f) manfaat yang berbangkit kepada anak guam bagi perkhidmatan itu;
- (g) sifat pekerjaan itu, khususnya sama ada sambilan atau untuk anak guam yang sudah mantap; dan
- (h) pengalaman atau kemahiran peguam bela dan peguam cara tertentu.

Tiada pembahagian kos

42. Adalah kelakuan yang tidak profesional dan tidak wajar bagi seorang peguam bela dan peguam cara untuk —

- (a) membahagikan, atau bersetuju untuk membahagikan, mana-mana bahagian kos yang diterima, atau keuntungan urusannya, dengan mana-mana orang yang tidak berkelayakan;
- (b) membayar, memberikan atau bersetuju membayar atau bersetuju memberikan, apa-apa komisen, ganjaran atau balasan berharga kepada mana-mana orang yang tidak berkelayakan untuk mendapatkan atau mempengaruhi, atau kerana telah mendapatkan atau mempengaruhi, apa-apa urusan undang-undang, sama ada pembayaran, pemberian atau persetujuan itu dibuat dengan dalih perkhidmatan diberikan atau pun selainnya, tetapi perenggan ini tidak melarang pembayaran bonus biasa kepada kakitangan;
- (c) menerima atau bersetuju menerima kurang daripada bayaran berskala yang ditetapkan oleh undang-undang berkenaan dengan urusan bukan perbalahan yang dijalankan olehnya, kecuali atas sesuatu sebab khas jika tiada caj dibuat sama sekali.

Pihak diwakili oleh peguam bela dan peguam cara lain

43. Jika dalam apa-apa perkara atau prosiding, nama mana-mana peguam bela dan peguam cara atau firma terdapat dalam rekod bagi mana-mana pihak, atau seorang peguam bela dan peguam cara diketahui sebagai bertindak bagi suatu pihak, dalam suatu perkara, sama ada dalam mahkamah atau tidak, tiada peguam

bela dan peguam cara lain boleh dengan mengetahui bersetuju hadir atau bertindak, atau terus hadir atau bertindak, bagi pihak itu dalam perkara atau prosiding tersebut melainkan jika —

(a) dia mendapatkan persetujuan peguam bela dan peguam cara yang mula-mula dinamakan;

(b) dia berpuas hati bahawa saraan profesional yang sepatutnya bagi peguam bela dan peguam cara yang mula-mula dinamakan telah dibayar atau dia berjanji bahawa ia akan dibayar;

(c) dia telah pun, tanpa mengetahui bahawa nama itu terdapat dalam rekod atau bahawa peguam bela dan peguam cara itu telah bertindak demikian, bersetuju hadir atau bertindak bagi pihak itu dan tidak dapat kerana hal keadaan atau keterdesakan atau sebab-sebab yang seumpamanya enggan hadir atau bertindak selanjutnya bagi pihak itu, tanpa mendedahkan dirinya kepada pertuduhan melanggar kewajipan profesional; atau

(d) peguam bela dan peguam cara yang mula-mula dinamakan itu tidak sanggup, atau telah enggan, bertindak selanjutnya bagi pihak itu, yang dalam keadaan itu, dia hendaklah, jika dikehendaki demikian, melindungi apa-apa *lien* yang mungkin ada pada peguam bela dan peguam cara yang mula-mula dinamakan itu terhadap kos.

***Lien* peguam bela dan peguam cara**

44. Kecuali untuk menjamin haknya mendapat *lien*, seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh menahan selainnya apa-apa kertas sehingga merugikan anak guamnya.

Penghakiman kerana ingkar

45. Jika nama seorang peguam bela dan peguam cara atau firma terdapat dalam rekod mahkamah, atau fakta mengenai perwakilan diketahui oleh pihak yang satu lagi, tiada peguam bela dan peguam cara yang mewakili pihak yang satu lagi dalam prosiding itu boleh —

(a) mencatat penghakiman kerana ingkar terhadap anak guam peguam bela dan peguam cara yang mula-mula dinamakan;

(b) mengambil kesempatan daripada kelambatan dalam —

(i) pliding atau memfailkan dokumen-dokumen dalam bentuk pliding;

- (ii) mengambil apa-apa langkah yang perlu atau mematuhi apa-apa prosiding lain oleh peguam bela dan peguam cara yang mula-mula dinamakan itu,

melainkan jika dia telah memberikan kepada peguam bela dan peguam cara yang mula-mula dinamakan itu notis bertulis mengenai tujuannya berbuat demikian dan 48 jam telah berlalu selepas notis itu diserahkan kepada peguam bela dan peguam cara yang mula-mula dinamakan itu.

Bantahan terhadap kebolehterimaan

46. Adalah bertentangan dengan etiket untuk membantah kebolehterimaan apa-apa dokumen atas alasan bahawa dokumen itu tidak dicap, atau tidak dicap secukupnya, melainkan jika bantahan tersebut berpunca daripada hal perkara guaman itu.

Pejabat

47. (1) Tiada peguam bela dan peguam cara boleh menyelenggarakan sebuah pejabat cawangan melainkan jika pejabat cawangan itu berada di bawah penyeliaan penuh dan berterusan seorang peguam bela dan peguam cara.

(2) Tiada peguam bela dan peguam cara boleh menjalankan amalan profesionnya di Negara Brunei Darussalam melainkan jika dia menyelenggarakan sebuah pejabat di dalam Negara Brunei Darussalam.

Agensi kebanyakan

48. Seorang peguam bela dan peguam cara tidak boleh membiarkan dirinya dikawal atau dieksploitasi oleh mana-mana agensi kebanyakan yang menjadi perantaraan antara anak guam dengannya.

Pelanggaran

49. (1) Mana-mana orang, sama ada atau tidak seorang peguam bela dan peguam cara, boleh menarik perhatian Ketua Hakim atau Persatuan Undang-Undang kepada sebarang dakwaan pelanggaran mana-mana daripada Aturan-Aturan ini.

(2) Ketua Hakim boleh, jika dakwaan pelanggaran dilaporkan kepadanya, mengambil langkah-langkah sebagaimana yang mungkin dianggapnya patut berhubung dengannya termasuk langkah-langkah yang dibenarkan oleh Akta itu atau apa-apa aturan yang dibuat di bawahnya.

Penepian

50. Ketua Hakim boleh, secara bertulis, mengetepikan mana-mana peruntukan Aturan-Aturan ini, pada amnya atau berhubung dengan peguam bela dan peguam cara atau firma tertentu.

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 12 haribulan Mei, 2015.

MOHAMAD ROZAIMAN BIN DATO SERI LAILA JASA ABDUL RAHMAN
Presiden,
Majlis Persatuan Undang-Undang.